

Lokasi sekitar Gunung Inas masih terdedah ancaman tanah runtuh

Kementerian nasihat kawasan pergunungan zon sumber aliran puing tak dibuka kepada awam

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Noorazura Abdul Rahman.
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kawasan sekitar Gunung Inas di Baling, Kedah, yang menjadi kawasan bencana banjir lumpur dan kepala air awal bulan ini, dikesan masih

tidak stabil dan terdedah kepada ancaman tanah runtuh.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata ia adalah hasil siasatan awal Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) selepas membuat pemeriksaan di tapak kejadian, 5 Julai lalu.

Selain risiko tanah runtuh, katanya, kawasan persekitaran Gunung Inas juga masih terdedah kepada ancaman jatuhnya batuan kerana ada bongkah batuan yang longgar dan tergantung di lereng gunung.

Bahayakan penduduk

“Perubahan arus deras secara mendadak apabila berlaku hujan di kawasan hulu dan kehadiran taburan puing batuan di laluan sungai boleh mendatangkan ri-

siko serta membahayakan keselamatan penduduk di kawasan itu.

“Sebagai langkah awal, satu surat makluman rasmi perihal Langkah Kewaspadaan Awam Di Kawasan Tadahan Gunung Inas, Baling, Kedah dihantar pada 22 Julai lalu, menyarankan kerajaan Kedah mengambil perhatian terhadap zon bahaya dan zon kawalan yang dibangunkan JMG bagi tujuan pengurusan bencana di peringkat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).

“Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui JMG turut menasihatkan kawasan pergunungan zon sumber aliran puing itu juga tidak dibuka kepada awam sehingga keadaan selamat,” katanya di Dewan Ra-

kyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling) yang bertanyakan kaedah penyelesaian dirancang KeTSA bagi memastikan keselamatan penduduk di sekitar Gunung Inas susulan bencana kepala air di kawasan itu.

Jejas 800 penduduk

Kejadian kepala air dan banjir lumpur di Kampung Iboi meragut tiga nyawa serta menjejaskan lebih 800 penduduk pada 4 Julai lalu.

Kepada soalan tambahan Abdul Azeez mengenai kewujudan tiga kolam takungan sebesar padang bola dipenuhi air di puncak Gunung Inas serta pampasan kepada penduduk yang terkesan,

Takiyuddin memaklumkan kajian KeTSA belum dapat mengesahkan kolam terbabit sebagai punca insiden kepala air, baru-baru ini.

“Kajian belum dapat mengesahkan kewujudan kolam takungan di atas Gunung Inas sebagai punca kejadian kerana kolam itu belum pecah, sedangkan kejadian sudah berlaku.

“Bagaimanapun, kementerian mengambil maklum pada cadangan untuk mengeluarkan air daripada kolam ini, tetapi pelaksanaannya bergantung pada kerajaan Kedah.

“Pampasan daripada syarikat yang mendapat konsesi balak juga tertakluk pada kerajaan Kedah untuk menggunakan budi bicara menguatkuasakan pampasan,” katanya.

Dedah 3 kolam takungan ladang durian di puncak

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim semalam mendedahkan kewujudan tiga kolam takungan di ladang durian Musang King di puncak Gunung Inas, lokasi bencana banjir lumpur dan kepala air di Baling, awal bulan ini.


Abdul Azeez menunjukkan gambar kolam berkenaan pada sidang Dewan Rakyat, yang dikatakan saiz setiap satu kolam bersamaan sebuah padang bola.

Tegasnya, kewujudan kolam takungan itu menimbulkan kebimbangan penduduk di 37 kampung di kaki Gunung Inas, yang masih trauma dengan bencana kepala air itu, khususnya setiap kali hujan.

“Sabtu lalu, orang kampung dan saya naik ke atas (Gunung Inas). Ini gambar yang kami ambil (tunjuk gambar). Ada tiga kolam besar bersaiz padang bola (setiap satu), airnya pula melebihi 10 kaki.

“Jika lihat di sini, kolam ini sudah mula rosak. Jika kolam ini pecah, airnya akan masuk kampung. Jika berlaku sekitar jam 2 atau 3 pagi, sekurang-kurangnya 100 orang akan terkorban,” katanya ketika sesi soal jawab lisan.

Beliau berkata demikian ketika bertanya soalan tambahan kepada Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, yang sedang menjawab soalnya mengenai penyelesaian yang dirancang Kementerian susulan bencana Gunung Inas, 4



Kolam takungan di kawasan persekitaran Gunung Inas di Baling, Kedah.

Julai lalu.

Tidur dalam masjid

Abdul Azeez turut merayu Kementerian berkaitan bertindak segera mengosongkan air dalam ketiga-tiga kolam berkenaan, sekali gus mengurangkan kebimbangan penduduk.

“Malam tadi (semalam), sebahagian rakyat tidur di masjid sebab takut kejadian berulang. Ini yang sedang berlaku di Baling,” katanya yang turut menunjukkan gambar kesan tapak kaki harimau dan gajah yang dipercayai memasuki kampung.

Sementara itu, penduduk Kampung Iboi, Kupang, mengesa semua kolam takungan di


puncak Gunung Inas, ditutup segera.

Abdullah Ahmad, 65, berkata semua air takungan di dalam kolam itu perlu dialir secara perlahan-lahan terlebih dahulu sebelum semua kolam berkenaan ditutup sepenuhnya.

Jelasnya, beberapa hari lalu, sekumpulan penduduk kampung bertindak mendaki Gunung Inas selama lima jam kerana mahu melihat sendiri keadaan kolam yang dikatakan pecah di puncak gunung berkenaan.

Temui enam kolam pecah

“Sekitar kawasan puncak Gunung Inas, mereka menemui dan melihat sendiri enam kolam ta-



Bongkah batu di sekitar Gunung Inas.

(Foto ihsan Pejabat Ahli Parlimen Baling)

kungan pecah, selain ada tiga lagi kolam takungan besar masih dipenuhi air di atas gunung sana.

“Kebanyakan kami masih trauma dan bimbang selepas kejadian 4 Julai lalu. Jika tiga lagi kolam takungan yang dianggarkan sedalam enam meter dan selalu padang bola itu pecah, ia boleh menyebabkan kepala air lebih dahsyat dari sebelum ini,” katanya yang masih berlingung di Dewan UMNO Kampung Iboi, selepas sebahagian rumahnya musnah akibat kejadian itu.

Seorang lagi penduduk yang mengalami nasib sama, Abidin Md Ghani, 54, berkata keluarganya kini tidak pernah tenang

setiap kali cuaca mendung dan awan gelap di sekitar puncak Gunung Inas.

Katanya, bencana baru-baru ini menyebabkan Sungai Kupang menjadi sangat cetek dan beraliran deras sehingga mengubah kawasan perkampungan terutama Lata Chelak.

“Dulu sungai ini terletak kira-kira enam meter dari rumah saya, tetapi kini jaraknya tidak sampai dua meter,” katanya.

Bagi Ahmad Salleh, 62, ramai petani sepertinya tidak lagi dapat mengusahakan sawah padi sejak lima tahun lalu selepas saliran air tersumbat kerana dipenuhi pasir akibat projek ladang durian.